

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Selasa, 11 Jun 2024



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA BAGI PERANGKAAAN GETAH BULANAN, MALAYSIA APRIL 2024

Pengeluaran getah asli Malaysia menurun 20.9 peratus pada April 2024

PUTRAJAYA, 11 Jun 2024 – Pada hari ini, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menerbitkan **Perangkaan Getah Bulanan, Malaysia, April 2024**. Penerbitan ini memaparkan statistik pengeluaran, import, eksport, penggunaan domestik, stok, harga, bilangan pekerja, gaji & upah dan produktiviti bagi estet getah.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, pengeluaran getah asli menurun 20.9 peratus pada April 2024 (21,325 tan metrik) berbanding pada Mac 2024 (26,966 tan metrik). Perbandingan tahun ke tahun menunjukkan pengeluaran getah asli menurun 9.1 peratus (April 2023: 23,460 tan metrik). Pengeluaran getah asli Malaysia pada April 2024 disumbangkan terutamanya oleh sektor pekebun kecil (89.1%) berbanding sektor estet (10.9%).

Jumlah stok getah asli pada April 2024 menurun 5.1 peratus kepada 211,119 tan metrik berbanding 222,455 tan metrik pada Mac 2024. Kilang pemproses getah menyumbang stok akhir sebanyak 92.4 peratus diikuti kilang pengguna getah (7.5%) dan estet getah (0.1%).

Eksport getah asli Malaysia berjumlah 47,796 tan metrik pada April 2024, menurun 18.9 peratus berbanding Mac 2024 (58,965 tan metrik). China terus kekal sebagai destinasi utama untuk eksport getah asli iaitu berjumlah 44.8 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport pada April 2024 diikuti India (11.4%), Jerman (8.0%), Emiriah Arab Bersatu (4.3%) dan Pakistan (3.9%). Prestasi eksport disumbangkan oleh produk berasaskan getah asli seperti sarung tangan getah, tayar, tiub dan benang getah. Produk sarung tangan getah merupakan eksport utama dengan nilai sebanyak RM1.09 billion pada April 2024, menurun 3.8 peratus berbanding Mac 2024 (RM1.14 billion).

Analisis perbandingan harga purata bulanan menunjukkan Lateks Pekat merekodkan penurunan iaitu 0.9 peratus (April 2024: 733.58 sen sekilogram; Mac 2024: 740.37 sen sekilogram) manakala Sekerap menurun sebanyak 0.1 peratus (April 2024: 639.62 sen sekilogram; Mac 2024: 640.54 sen sekilogram). Harga bagi semua jenis Getah Mutu Malaysia (G.M.M) pula menurun antara 0.3 peratus hingga 0.9 peratus. *The World Bank Commodity Price Data* melaporkan harga bagi getah jenis TSR 20 (*Technically Specified Rubber*) menurun 1.2 peratus (daripada USD 1.65/kg kepada USD1.63/kg) dan SGP/MYS (Singapura/Malaysia) menurun 4.8 peratus (daripada USD2.39/kg kepada USD2.28/kg).


Menurut *Malaysia Rubber Board Digest* keluaran April 2024, pasaran getah Kuala Lumpur bercampur-campur pada bulan April di mana G.M.M 20 bergerak meningkat pada awalnya sebelum berkurangan menjelang penghujung bulan. Pasaran getah asli semakin berkurang berikutan keadaan cuaca di kebanyakan negara pengeluar utama. Namun demikian, data ekonomi China yang merangsangkan, Ringgit lemah berbanding Dollar Amerika serta ramalan ekonomi yang stabil oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (*IMF*) turut memberi sokongan kepada sentimen pasaran.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


DOSM akan menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024. Mohon layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian.”

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”. DOSM menyambut ulang tahun ke 75 Jubli Intan pada tahun 2024.

Carta 1: Pengeluaran dan penggunaan domestik bagi getah asli April 2023, Mac - April 2024
(‘000 tan metrik)



Carta 2: Import dan eksport bagi getah asli April 2023, Mac - April 2024
(‘000 tan metrik)



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
11 JUN 2024**

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Tuesday, 11th June 2024



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT
FOR MONTHLY RUBBER STATISTICS, MALAYSIA
APRIL 2024

**Malaysia natural rubber production
decreased by 20.9 per cent in April 2024**

PUTRAJAYA, 11 June 2024 – The Department of Statistics, Malaysia (DOSM) today released the **Monthly Rubber Statistics, Malaysia, April 2024**. This publication consists of statistics on production, imports, exports, domestic consumption, stocks, prices, number of employees, salaries & wages and productivity of rubber estates.

Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, Natural Rubber (NR) production decreased by 20.9 per cent in April 2024 (21,325 tonnes) as compared to March 2024 (26,966 tonnes). Year-on-year comparison showed that the production of NR decreased by 9.1 per cent (April 2023: 23,460 tonnes). Production of NR in April 2024 for Malaysia was mainly contributed by smallholders sector (89.1%) as compared to estates sector (10.9%).

Total stocks of NR in April 2024 decreased by 5.1 per cent to 211,119 tonnes as compared to 222,455 tonnes in March 2024. Rubber processors factory contributed 92.4 per cent of the stocks followed by rubber consumers factory (7.5%) and rubber estates (0.1%).

Exports of Malaysia's NR amounted to 47,796 tonnes in April 2024, decreased 18.9 per cent as against March 2024 (58,965 tonnes). P.R. China remained as the main destination for NR exports which accounted 44.8 per cent of total exports in April 2024 followed by India (11.4%), Germany (8.0%), the United Arab Emirates (4.3%) and

Pakistan (3.9%). The exports performance was contributed by NR-based product such as gloves, tyre, tube and rubber thread. Gloves were the main exports of rubber-based products with a value of RM1.09 billion in April 2024, a decrease of 3.8 per cent as compared to March 2024 (RM1.14 billion).

Analysis of the average monthly price showed that Concentrated Latex recorded a decrease of 0.9 per cent (April 2024: 733.58 sen per kg; March 2024: 740.37 sen per kg) while Scrap decreased by 0.1 per cent (April 2024: 639.62 sen per kg; March 2024: 640.54 sen per kg). Prices for all Standard Malaysian Rubber (S.M.R) decreased between 0.3 per cent to 0.9 per cent. The World Bank Commodity Price Data reported the prices for TSR 20 (Technically Specified Rubber) has decreased 1.2 per cent (from USD1.65/kg to USD1.63/kg) and SGP/MYS (Singapore/Malaysia) decreased 4.8 per cent (from USD2.39/kg to USD2.28/kg).

According to the Malaysia Rubber Board Digest published in April 2024, The Kuala Lumpur rubber market ruled mixed during April where SMR 20 moved upwards at the beginning before easing towards the end of the month. Natural Rubber market declined due to adverse weather conditions in major producing countries. However, the encouraging Chinese economic data amid continuous support measures from China, a weaker ringgit against the U.S. dollar and steady economic growth forecast by the International Monetary Fund (IMF) gave some support to the market sentiment.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalogue of data and visualisations to facilitate users' analysis of various data and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM will conduct the Agricultural Census in 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my/> for more information. The theme is "Agriculture Census, Key to Agricultural Development."

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th each year. MyStats Day theme is "Statistics is the Essence of Life". DOSM commemorates its 75th Diamond Jubilee in 2024.

Chart 1: Production and domestic consumption of natural rubber April 2023, March - April 2024
(‘000 tonnes)





Chart 2: Imports and exports of natural rubber April 2023, March - April 2024
(‘000 tonnes)



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
11 JUNE 2024**